

08 AUG 1998

Mahathir-Pekerja

MAHATHIR PUJI SIKAP PEKERJA HADAPI KEGAWATAN EKONOMI

PETALING JAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji sikap pekerja Malaysia yang katanya lebih tertib dalam mengharungi kegawatan ekonomi sekarang berbanding dengan pekerja asing.

"Dalam kegawatan ini, mereka tidak menimbulkan apa-apa masalah," kata beliau ketika merasmikan perhimpunan agung MIC ke-52 di sini.

Katanya, beliau dalam satu perjumpaan dengan pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semalam telah mengucapkan terima kasih kepada pekerja kerana memahami masalah kerajaan dan tidak membuat tuntutan kenaikan gaji dalam keadaan sekarang.

Dr Mahathir berkata pada pertemuan itu beliau juga menjelaskan kepada pemimpin pekerja cara-cara yang kerajaan fikir dapat menaikkan pendapatan pekerja tanpa perlu mengambil tindakan mogok seperti yang berlaku di barat.

"Ada beberapa cara yang boleh meningkatkan pendapatan pekerja, antaranya meningkatkan jumlah perkerjaan, meningkatkan produktiviti dengan meningkatkan kemahiran dan melabur dalam jentera moden," katanya.

Katanya jumlah pekerja di Malaysia telah bertambah sebanyak dua juta sehingga terpaksa diisi oleh rakyat asing.

Dr Mahathir berkata kejatuhan ringgit yang diakibatkan oleh spekulator matawang telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara terjejas dan rancangan-rancangan kerajaan tergendala.

Umpamanya, sebelum kegawatan kerajaan mempunyai hasrat supaya pekerja beroleh purata pendapatan RM1,200 hingga RM1,400 sebelum tahun 2020.

"Bagaimanapun, hari ini kita telah dikecewakan oleh segolongan mereka yang tamak dan tidak mahu melihat negara maju," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan yakin hasrat itu akan tetap dicapai suatu hari nanti kerana negara ini mempunyai cara-cara tersendiri bagi meningkatkan pendapatan rakyat.

Katanya apa yang penting ialah pekerja-pekerja tidak terikut-ikut cara konvensional barat yang lebih berasaskan mogok.

Walaupun ringgit dan pasaran saham Malaysia menghadapi tekanan serta serangan demi serangan, Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia tidak akan meminta bantuan dana dari Tabung Kewangan Antarbangsa (IMF).

Kata beliau: "Kita masih berjaya mengekalkan kedudukan tanpa meminta bantuan IMF, ini adalah kerana sokongan padu dari rakyat Malaysia."

-- BERNAMA

AA AKD